

**TERMA – TERMA DAN SYARAT – SYARAT  
KEMPEN “CIMB Clicks Top Up and JomPAY Activation”**

1. Kempen “*CIMB Clicks Top Up and JomPAY activation campaign*” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran.: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran.: 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

**Tempoh Kempen**

2. Kempen akan bermula pada **1<sup>hb</sup> Mac 2023** masa 00:01 (GMT+8) dan tamat pada **31<sup>hb</sup> Mac 2023** masa 23:59 (GMT +8), termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/ atau tarikh-tarikh pemulaan dan/ atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar.

**Kelayakan**

4. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, Kempen ini terbuka kepada semua pengguna CIMB Clicks baru dan sedia ada. (“**Peserta Layak**”).
5. Untuk menyertai Kempen ini, Peserta Layak dikehendaki memuat turun aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan mengekalkan akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i CIMB yang sah dan aktif yang dipautkan dengan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks (“**Akaun Penyertaan**”).
6. Kategori individu-individu/ entity-entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini:-
  - (a) Perusahaan kecil sederhana/ Perusahaan Perbankan/ pelanggan Komersial dan Korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/ pertubuhan amal/ bukan keuntungan, pelanggan-pelanggan komersial dan korporat, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi; dan/ atau
  - (b) Individu-Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
7. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori individu-individu/ entiti-entiti seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6.

**Ganjaran**

8. Jumlah nilai ganjaran baucar sebanyak RM72,450 akan diberikan sepanjang Tempoh Kempen atas dasar tiba dahulu layan dahulu, tertakluk kepada ketersediaan.
9. Ganjaran berikut adalah tersedia untuk pemenang-pemenang Kempen ini: -

Ganjaran	Bilangan Penebusan	Jumlah Nilai Ganjaran		
Baucar foodpanda (“Ganjaran”)	Ganjaran sebanyak 7,245-unit untuk ditebus sepanjang tempoh kempen.	Sehingga RM 72,450		
	<b>Tarikh luput</b>		<b>Kuantiti</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
	Batch 1- 30 Apr’23		3,245	32,450
	Batch 2- 30 Apr’23		4,000	40,000
	<b>Jumlah</b>	<b>7,245</b>	<b>72,450</b>	

10. Setiap Peserta Yang Layak berpeluang menang sehingga dua (2) kali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

### Mekanik Kempen

11. Untuk berpeluang bagi memperolehi Ganjaran yang ditakrifkan dalam Klausa 9 di sini, Peserta Layak mesti memenuhi kriteria penyertaan berikut semasa Tempoh Kempen (“**Kriteria Penyertaan**”):-

Jenis Cabaran (“Cabaran”)	Jenis transaksi pembayaran	Kriteria Penyertaan
<i>Top Up</i>	Melalui fungsi ‘ <i>Top Up</i> ’	Peserta Layak mestilah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) adalah seorang pengguna CIMB Clicks yang melaksanakan transaksi <i>Top Up</i> untuk kali pertama atau tidak melaksanakan apa-apa transaksi <i>Top Up</i> selama 90 hari yang lepas berturut-turut atau pengguna baru CIMB Clicks; dan</li> <li>(ii) berjaya melaksanakan satu (1) transaksi <i>Top Up</i> dengan perbelanjaan minimum <b>RM10</b> sahaja dalam satu transaksi dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaannya dengan log masuk ke portal perbankan dalam talian CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks.</li> </ul>
<i>JomPAY</i>	Melalui fungsi ‘ <i>JomPAY</i> ’	Peserta Layak mestilah:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) adalah seorang pengguna CIMB Clicks yang melaksanakan transaksi <i>JomPAY</i> untuk kali pertama atau tidak melaksanakan apa-apa transaksi <i>JomPAY</i> selama 90 hari yang lepas berturut-turut atau pengguna baru CIMB Clicks; dan</li> <li>(ii) berjaya melaksanakan satu (1) transaksi <i>JomPAY</i> dengan perbelanjaan minimum <b>RM10</b> sahaja dalam satu transaksi dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaannya dengan log masuk</li> </ul>

		ke portal perbankan dalam talian CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks.
--	--	--

Transaksi 'JomPAY' dan 'Top Up' di atas hendaklah selepas ini secara individu dirujuk sebagai "**Transaksi Layak**". Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembayaran yang dibuat oleh Peserta Layak melalui gerbang pembayaran dalam talian FPX elektronik di mana-mana laman web luaran tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak di bawah Kempen ini.

12. Peserta Layak yang berjaya memenuhi Kriteria Penyertaan akan berpeluang untuk memenangi Ganjaran berdasarkan kaedah pemilihan pemenang seperti yang dinyatakan dalam Klausa 16 hingga 19 di bawah.
13. Kempen ini akan luput setelah semua Ganjaran telah ditebus atau sebaik sahaja Tempoh Kempen berakhir, yang mana lebih awal.
14. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB sama ada sebarang transaksi tertentu berlayak sebagai Transaksi Layak hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun.
15. Pengesanan Transaksi Layak hendaklah berdasarkan tarikh-tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang direkodkan oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.

#### **Ganjaran dan Pemilihan Pemenang**

16. Peserta Layak yang berjaya memenuhi Kriteria Penyertaan akan menerima satu penyertaan ("**Penyertaan**") untuk menebus Ganjaran dalam bentuk pemberitahuan tolak daripada CIMB melalui aplikasi mudah alih *CIMB Clicks*. Bagi Peserta Layak yang merupakan pengguna baru aplikasi mudah alih *CIMB Clicks*, ia mungkin akan mengambil masa sebanyak dua (2) hari bekerja bagi mereka menerima pemberitahuan tolak.
17. Selepas itu, Peserta Layak hendaklah menebus Ganjaran dengan melengkapkan Cabaran di bawah bahagian "*Challenges*" di aplikasi mudah alih CIMB Clicks dalam Tempoh Kempen ("**Penebusan**"). Sebarang Penyertaan yang tidak diguna akan dilucuthakkan selepas Tempoh Kempen tamat.
18. Peserta Layak berlayak untuk memenangi satu (1) Ganjaran sahaja bagi setiap Cabaran dan maksimum dua (2) Ganjaran sahaja di bawah Kempen ini.
19. Ganjaran adalah terhad kepada tujuh ribu dua ratus empat puluh lima (7,245) penebusan berjaya pertama (atas dasar tiba dahulu layan dahulu) di bawah Kempen ini.
20. Kempen ini beroperasi pada enjin logik masa nyata CIMB. Sekiranya sebarang kejadian gangguan berlaku kepada Kempen mengakibatkan sebarang kegagalan penghantaran pemberitahuan tolak Penyertaan, CIMB akan, atas dasar usaha terbaik, menghantar pemberitahuan tolak Penyertaan pemulihan, tetapi CIMB tidak menjamin bahawa pemberitahuan tolak Penyertaan yang tidak dihantar akan dipulihkan dalam proses pemulihan.

## Pemenuhan Ganjaran

21. Pemenang akan dimaklumkan tentang kemenangan mereka dalam masa nyata melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks selepas mereka menyelesaikan Cabaran.
22. Pemenang boleh mendapatkan semula kod Ganjaran untuk e-baucar daripada aplikasi mudah alih CIMB Clicks mereka serta-merta selepas Cabaran selesai.
23. Pemenang mesti menebus Ganjaran dalam tempoh sah yang ditetapkan, seperti yang mungkin terpakai, jika gagal Ganjaran mungkin dilucuthakkan oleh pembekal yang berkaitan secara automatik tanpa notis awal diberikan kepada Pemenang dan CIMB tidak akan diwajibkan untuk menggantikan Ganjaran tersebut dalam apa jua keadaan.
24. Jika Ganjaran ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penyedia yang berkaitan, CIMB tidak akan melayan sebarang aduan dalam apa jua pun berkaitan Ganjaran tersebut. Kemasukan Ganjaran tersebut dalam Kempen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran yang sama oleh CIMB. Liabiliti CIMB berkenaan dengan Ganjaran tersebut hanyalah untuk membayar harga yang sama kepada pembekal yang berkaitan.
25. Adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya Peserta Yang Layak untuk memastikan bahawa nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini. Peserta Layak memikul tanggungjawab untuk mengemas kini dan memaklumkan CIMB jika terdapat sebarang perubahan pada nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan/atau kerugian berbangkit daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel Peserta Layak dikekalkan dalam CIMB rekod tidak semasa atau betul.
26. Ganjaran akan dilucuthakkan sekiranya Peserta yang Layak gagal mengekalkan Akaun Sertaan yang aktif dan sah (akaun tidak aktif akan termasuk ditamatkan/digantung/disekat) dalam Tempoh Kempen . CIMB berhak untuk membatalkan Ganjaran sekiranya berlaku pembalikan pembayaran untuk Transaksi yang Layak.

## Terma-Terma & Syarat-Syarat Am

27. Dengan menyertai dalam Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) dan bersetuju bahawa semua keputusan berhubung dengan setiap aspek Kempen ini telah dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB, termasuk Ganjaran yang akan diberikan dan penentuan Peserta Layak adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
28. Akaun Penyertaan Peserta Layak (a) MESTILAH TIDAK BOLEH memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/atau perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTILAH tidak boleh ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah pertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen atau sebelum memenuhi Ganjaran, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Ganjaran akan dilucuthakkan.

29. CIMB merizabkan haknya mengikut budi bicara tunggal untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses kemasukan, atau bertindak memungkir atau berkemungkinan memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
30. Apa-apa penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan/atau amaun dan/atau pemenuhan Ganjaran adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam apa jua cara sekalipun, kecuali untuk kesilapan yang nyata.
31. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang disebabkan oleh penggunaan Ganjaran oleh Pemenang.
32. Semua kos, fi dan/ atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkaitan dengan Kempen dan/ atau tuntutan Ganjaran termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
33. Dengan menerima Ganjaran, Peserta Layak bersetuju bahawa CIMB dan sekutunya serta pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masingnya tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang berkaitan dengan: -
  - (a) penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; atau
  - (b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran oleh Peserta Layak.
34. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Ganjaran hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
35. CIMB merizabkan haknya untuk menggantikan Ganjaran dengan item lain dengan kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang lanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain yang mana-mana tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan lanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
36. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawab kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya di sini, sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam ("Act of God") di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
37. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi dalam apa jua bentuk yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau apa pun yang timbul, berkaitan dengan penyertaan atau kegagalan penyertaan dalam Kempen ini termasuk kerugian dan ganti rugi yang berbangkit daripada sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan notis pemberitahuan tolak oleh Peserta Layak melainkan perkara yang sama berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran yang sengaja CIMB.

38. CIMB merizabkan hak apabila memberi notis terdahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan penambahan, penghapusan, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara tunggal CIMB melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di **www.cimbclicks.com.my** atau laman web CIMB di **www.cimb.com.my** di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan akan ditunjukkan dalam notis tersebut atau akan diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau dengan melaksanakan iklan mengenai Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan itu akan dianggap sebagai mengikat Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan tersebut. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks dan/atau laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk merujuk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemaskini dengan sebarang perubahan atau variasi kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
39. Tiada pampasan secara tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
40. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut **Klausu 35** di atas) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
41. Sebarang pertanyaan, maklum balas, perhatian, isu atau aduan oleh Peserta Layak berkaitan dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank akan diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank.
42. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada penggunaan mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berhubung dengan atau mana-mana yang terpakai kepada Kempen atau apa-apa perkara di sini.
43. Jika terdapat sebarang ketidakconsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan di antara Versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini di sini, Versi Bahasa Inggeris bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan diguna pakai. Walau apa pun yang disebutkan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dinyatakan dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia bagi Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan diguna pakai.
44. Untuk maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") yang mempunyai alamat, nombor, telefon dan nombor faksimili berikut (atau mana-mana alamat, nombor telefon dan nombor faksimili lain yang boleh diubah oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak):

Alamat:	Unit Resolusi Pelanggan CIMB (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon:	603 6204 7788
No. Faks:	603 2691 3248
E-mel:	<a href="mailto:cru@cimb.com">cru@cimb.com</a>